

23 JAN 1997

PM AKAN LAWAT GUA TEMPURUNG PADA MAC

IPOH, 23 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka mengadakan lawatan singkat ke Gua Tempurung, salah sebuah daripada gua batu kapur dekat Sungai Siput (S) pada Mac ini, kata Ketua Menteri Perak Tan Sri Ramli Ngah Talib.

Pada masa ini kerja-kerja pengubahsuaian untuk meningkatkan kemudahan dan memperindahkan gua itu, salah sebuah puncak tertinggi batu kapur di Semenanjung kini berjalan lancar, katanya kepada pemberita selepas berbuka puasa dengan media, pegawai Penerangan dan Kemas di kediamannya di sini malam tadi.

Katanya pakar dari Australia digunakan untuk menasihati pemaju mengenai penggunaan cahaya, pembinaan platform pemandangan dan laluan dalam usaha meningkatkan keindahan gua itu.

Ramli yakin apabila projek Gua Tempurung itu siap, akan menjadi tarikan utama pelancong di negeri ini.

Heritage Acres Sdn Bhd, syarikat usahasama antara Yayasan Perak, Syarikat Pelaburan Malaysia Kuwait dan Kumpulan Dorna telah diberi kontrak untuk memajukan gua itu dan kawasan sekitarnya menjadi kawasan pelancongan.

Heritage Acres dijangka membelanjakan RM650 juta untuk memajukan kawasan itu termasuk menyediakan kawasan sukan air, ekuestrian dan zoo mini dalam tempoh 12 tahun.

-- BERNAMA

HK AHH